

18/09/2003

46 kontena beras bernilai RM1.2j ditahan di pelabuhan

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Sebanyak 46 kontena beras bernilai RM1.2 juta kini ditahan oleh Kastam Diraja Malaysia (KDRM) di beberapa pelabuhan negara ini kerana dipercayai cuba dibawa masuk menggunakan dokumen pengimportan meragukan atau tanpa dokumen import sah.

Beras yang diimport dari beberapa negara termasuk Thailand, Myanmar dan Vietnam itu, kebanyakannya berada di pelabuhan di Sabah dan Sarawak.

Arahan meningkatkan pemeriksaan dan prosedur kemasukan beras dimulakan sejak akhir bulan lalu selepas kegiatan menyeludup beras dilaporkan semakin meningkat sehingga menjejaskan pengeluaran petani tempatan.

Timbalan Ketua Pengarah Pencegahan KDRM, Abdul Rahman Abdul Hamid, berkata pihaknya menahan beras berkenaan berikutan kegagalan pengimport mengemukakan permit import (AP) sebaik tiba di pelabuhan.

Mengikut Seksyen 8 Akta Kastam, bagi barangan memerlukan AP seperti beras, pengimport perlu mengemukakan dokumen yang diperlukan sebaik barangan itu tiba di negara ini.

"Syarikat pengimport gagal menunjukkan permit import. Ada yang memberi alasan akan mengemukakannya kemudian. Ini bertentangan peraturan kastam yang menetapkan AP mesti dikemukakan ketika pengimportan dilakukan.

"Kita sedang menyemak untuk mengesahkan sama ada 46 kontena beras yang ditahan itu mempunyai AP atau sebaliknya," katanya kepada Berita Harian di sini.

Difahamkan, ada syarikat pengimport memberi alasan mengemukakan AP selepas beras dibawa masuk sebagai taktik untuk menyeludup beras.

Bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata kerajaan akan merangka beberapa strategi bagi membanteras penyeludupan beras yang semakin berleluasa sekarang.

Perdana Menteri berkata, kegiatan itu jika dibiarkan bukan saja menjejaskan industri beras tempatan, tetapi mengakibatkan negara kerugian kutipan cukai syarikat yang terbabit dalam perniagaan bahan makanan itu.

Laporan sebelum itu menyebut penyeludupan beras menyebabkan Bernas mengalami kerugian kumulatif RM27 juta, manakala negara rugi kira-kira 400,000 tan bernilai hampir RM240 juta setahun.

Bernas adalah syarikat tunggal diberikan AP oleh Kementerian Pertanian bagi membawa masuk beras dari luar negara. Walaupun kerajaan tidak mengenakan cukai ke atas beras, pengimport wajib mempunyai AP.

Mengenai siasatan terhadap beras yang ditahan, Abdul Rahman berkata, pihaknya sedang mengambil keterangan daripada wakil syarikat pengimport sebelum tindakan lanjut diambil.

"Kita perlu mengesahkan dakwaan mereka kononnya lewat menerima AP atau memang tiada permit. Kita akan mengkaji bentuk tindakan mengikut Akta Kastam selepas perkara itu disahkan," katanya.

Abdul Rahman berkata, bagi mengelak kegiatan itu berterusan, pihaknya meningkatkan pemantauan, pemeriksaan dan memperketatkan prosedur kemasukan barangan di semua pintu masuk negara.

Pegawai kastam juga diarah memastikan semua dokumen pengimportan dipatuhi, membuat pemeriksaan rambang termasuk menimbang dan membuka kontena bagi memastikan kuantiti dibawa masuk menyamai permit yang dikeluarkan.

"Ini kerana ada syarikat membawa masuk beras melebihi kuantiti yang dibenarkan atau dinyatakan dalam permit. Kita juga sudah mengingatkan pengimport supaya mematuhi peraturan bagi mengelak dikenakan tindakan.

"Kita sudah mengenal pasti modus operandi mereka dan arahan telah dikeluarkan kepada semua Stesen KDRM seluruh negara supaya berjaga-jaga," katanya.

Abdul Rahman berkata, sejak awal tahun ini hingga 9 September lalu,

pihaknya mematahkan 619 kes membabitkan penyeludupan beras bernilai RM1.2 juta (tidak termasuk 46 kontena yang sedang disiasat).

Beliau berkata, pihaknya juga merampas pelbagai barangan seludup bernilai kira-kira RM305 juta dengan cukai bernilai RM129 juta membabitkan 2,914 kes di seluruh negara.

Mengikut pecahan, 658 kereta bernilai RM16.16 juta dirampas dengan cukai berjumlah RM29.29 juta, rokok bernilai RM13.4 juta (RM56.14 juta), minuman keras dan bir bernilai RM4.1 juta (RM8.4 juta), mercun bernilai RM2.5 juta (RM1.65 juta) dan lain-lain bernilai RM268 juta (RM33.7 juta).